

Punca Penagihan Berulang

Punca utama berlakunya penagihan berulang disebabkan oleh diri sendiri yang tidak mampu menepis godaan, rintangan dan cabaran dalam kehidupan mereka. Kebanyakan mereka ini terdiri daripada individu yang mudah beremosi dan mudah menghadapi tekanan sosial daripada keadaan persekitaran. Antara punca penagihan berulang seperti yang berikut:

Tahukah Anda



Pengambilan alkohol yang berterusan terutamanya dalam jumlah yang banyak boleh memberikan kesan toksik kepada organ badan. Kesan toksik ini boleh menyebabkan gangguan mental.

(Sumber: www.myhealth.gov.my)

Pengaruh Rakan

- Bekas penagih akan kembali kepada tabiat lama kerana terpengaruh dengan rakan yang masih menagih.
- Mereka tidak dapat menolak ajakan untuk kembali menagih kerana banyak menghabiskan masa bersama.

Tekanan Emosi

- Keadaan diri bekas penagih yang berasa rendah diri dan dipandang serong menjadikan emosi mereka tertekan dan tidak stabil.
- Bekas penagih mengambil bahan terlarang untuk melupakan tekanan emosi yang dialaminya.

Stigma Masyarakat

- Segelintir masyarakat masih memandang negatif dan tidak memberikan peluang kepada bekas penagih untuk membuktikan bahawa mereka telah insaf dan ingin meneruskan kehidupan mereka.
- Keadaan bekas penagih yang tidak diterima oleh masyarakat ini membuatkan mereka tertekan dan bergaul semula dengan rakan penagih yang menerima mereka.

Disisih Keluarga

- Terdapat segelintir bekas penagih yang tidak diterima dan disisihkan oleh ahli keluarga walaupun telah insaf.
- Sikap tidak ambil peduli ahli keluarga akan menyebabkan bekas penagih kesunyian dan mendorong ke arah penagihan semula.

Masalah Kewangan

- Bagi penagih yang telah sembuh, mereka mungkin kehilangan pekerjaan yang menyebabkan mereka hilang punca pendapatan.
- Berasa tertekan dengan masalah kewangan dan kesempitan hidup menyebabkan mereka kembali menagih untuk melupakan masalah.

Cara Menangani Penagihan Berulang

Sokongan dan pembabitkan keluarga, rakan dan masyarakat dalam program pemulihan amatlah penting untuk memastikan penagihan berulang tidak berlaku dalam kalangan bekas penagih. Sokongan ahli keluarga dari segi emosi dan kasih sayang serta perhatian masyarakat amat penting bagi mengelakkan mereka kembali menagih. Terdapat beberapa aktiviti yang boleh dilakukan bersama untuk menangani masalah penagihan berulang iaitu:

Aktiviti Sosial

- ◆ Memberikan peluang kepada individu tersebut melibatkan diri dengan aktiviti sosial dalam masyarakat setempat.
- ◆ Merangka aktiviti sosial yang bermanfaat untuk golongan remaja.

Aktiviti Bersukan

- ◆ Mengurangkan tahap stres seseorang daripada kembali kepada sifat ketagihan rokok, dadah dan alkohol.
- ◆ Menjamin kecergasan diri, kecerdasan minda dan kesihatan.

Aktiviti Keagamaan

- ◆ Melibatkan diri dengan aktiviti keagamaan yang mendorong remaja menjalani hidup yang lebih baik dari segi fizikal dan mental.
- ◆ Menyediakan aktiviti keagamaan yang boleh menarik minat mereka mendekatkan diri kepada Tuhan seperti aktiviti ceramah agama dan kem solat.

Cara Membantu Mengatasi Masalah Penagihan Berulang

Keluarga

- ◆ Harus tabah dan kuat dalam membantu menangani masalah penagihan berulang. Bantulah mereka dengan kerap berinteraksi secara terbuka semasa mereka menjalani sesi pemulihan.
- ◆ Memberikan nasihat supaya individu tersebut dapat mengawal diri dalam menangani tabiat merokok, minum alkohol serta penyalahgunaan dadah.

Masyarakat

- ◆ Masyarakat perlu bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk membanteras masalah penyalahgunaan bahan.
- ◆ Masyarakat perlu mewujudkan aktiviti seperti gotong-royong, kem dan sebagainya untuk memberikan persekitaran yang selamat dan membantu bekas penagih melupakan ketagihan mereka.

Rakan

- ◆ Sebagai rakan, mainkanlah peranan dengan menerima diri bekas penagih yang berusaha untuk pulih dengan memberi mereka peluang dan bantuan.
- ◆ Tunjukkan mereka kasih sayang dan bersama-samalah dengan mereka melakukan aktiviti yang sihat.